

3755/2  
Perdagangan  
Kertas 2  
Mei  
2009  
2 jam



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN OTI 1**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

---

---

**PERDAGANGAN**

Kertas 2

Dua jam

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian B.***
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

*Disediakan Oleh:*  
**AKRAM NEGERI TERENGGANU**






*Dibiayai Oleh:*  
**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

*Dicetak Oleh:*  
*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.*  
*Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

## Bahagian A

Jawab mana-mana **tiga** soalan dalam bahagian ini

1. a) Nyatakan dua perbezaan antara keperluan dengan kehendak. [4 markah]  
 b) Gambar berikut menunjukkan satu aktiviti pengeluaran.




- i) Nyatakan cabang pengeluaran yang terlibat. [1 markah]  
 ii) Terangkan tiga nilai faedah yang terlibat dalam aktiviti di atas. [9 markah]

- b) Gambar 2 menunjukkan sebuah hotel.



Terangkan bagaimana komunikasi, promosi dan perbankan membantu melicinkan aktiviti perniagaan tersebut? [11 markah]

2. a) Gambar 3 menunjukkan sebahagian pakaian yang dijual oleh seorang peniaga.



Selain daripada jualan tunai, terangkan satu bentuk perniagaan ansuran yang sesuai bagi barangan di atas. [7 markah]

- b) Nyatakan perbezaan antara perniagaan runcit dengan perniagaan pemborong. [8 markah]
- c) Malaysia mengeksport minyak sawit ke beberapa negara. Selain itu, Malaysia juga mengimport barang dari luar negara seperti makanan dan pakaian untuk menampung kekurangan dalam negara. Huraikan faktor yang menyebabkan wujudnya perniagaan tersebut. [10 markah]

3. a) En. Alias dan En. Abdullah merupakan rakan kongsi dalam satu perniagaan alat telekomunikasi. Setelah hampir lima tahun menjalankan perniagaan, mereka bersetuju untuk membubarkannya dan menubuhkan syarikat sendiri berhad.

Mengapakah mereka ingin menubuhkan syarikat sendiri berhad? [9 markah]

- b) Maklumat berikut adalah berkaitan perniagaan antarabangsa.

Barang yang dipesan oleh pengimport En. Haziq telah tiba di pelabuhan Kuantan. En. Haziq sedang berusaha untuk mendapatkan barang itu. Sementara itu, En. Haziq telah menerima dokumen daripada pengeksport luar negara yang membolehkan beliau menuntut barang di pelabuhan.

- i) Apakah dokumen yang membolehkan En. Haziq menuntut barang di pelabuhan? [1 markah]  
 ii) Jelaskan fungsi dokumen di atas. [8 markah]

- c) Terangkan empat masalah yang dihadapi oleh industri kecil dan sederhana (IKS). [7markah]

4. a) Maklumat berikut berkaitan dengan perusahaan yang dijalankan oleh Puan Dayang Nadiah.

Puan Dayang Nadiah menjalankan perusahaan membuat barangan daripada tanah liat seperti pasu dan barang perhiasan yang terkenal di Sarawak. Beliau menggunakan kapal kontena untuk mengeksport keluarannya ke serata dunia.


Mengapakah Puan Dayang Nadiah memilih kapal kontena untuk mengangkut pasu-pasunya itu? [10 markah]

- b) Berikut adalah maklumat sebuah syarikat perniagaan.

En. Anuar pemilik Syarikat pembinaan yang terletak di bandar Kuala Terengganu. Syarikatnya mempunyai pekerja seramai lima orang. Beliau mempunyai dua buah lori kecil yang digunakan untuk menghantar barang pesanan pelanggannya.

Cadangkan lima jenis polisi insurans yang sesuai diambil oleh syarikat tersebut untuk melindungi perniagaannya. [10 markah]

d) Gambar berikut menunjukkan sejenis alat telekomunikasi.



- i) Nyatakan alat komunikasi di atas. [1 markah]  
 ii) Terangkan kepentingan alat komunikasi tersebut kepada peniaga. [4 markah]

5. a)

Amanah Saham Nasional  
 Amanah Saham Bumiputera  
 Amanah Saham Wawasan

Nyatakan kelebihan melabur dalam pelaburan seperti di atas. [5 markah]

- b) Nyatakan fungsi bank saudagar. [6 markah]  
 c) Terangkan peranan syarikat kewangan sebagai institusi kewangan. [7 markah]  
 d) Cek merupakan sejenis alat pembayaran. Mengapakah terdapat peniaga yang enggan menerima cek dalam urusniaganya? [7 markah]

**Bahagian B**

Bahagian ini mengandungi **satu** soalan yang wajib dijawab

En. Farhan membuka sebuah kedai runcit di bandar Marang, Terengganu. Perniagaan ini telah diusahakan bersama isterinya sejak 4 tahun lalu dengan modal permulaan sebanyak RM 40 000. Perniagaannya ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan tambahan pula terdapat beberapa kawasan perumahan baru di buka di kawasan berhampiran. Kawasan itu juga tidak mempunyai kedai runcit yang menjual pelbagai jenis barang seperti perniagaan En. Farhan. Bagi melindungi perniagaannya daripada pelbagai risiko, En. Farhan mengambil beberapa jenis insurans.

En. Farhan mendapatkan bekalan stoknya daripada beberapa orang pemborong yang menghantar terus pesanan ke kedainya. Sesetengah stok seperti keropok dan hasil laut dibeli terus dari pengusaha dan nelayan tempatan. Pembayaran untuk semua urusanniaga membeli stok dilakukan samada secara tunai atau dengan mengeluarkan cek Bank BUMI Berhad.

Urus niaga dengan pelanggan adalah secara tunai sahaja termasuk pelanggan tetapnya. Meskipun mempunyai van, En. Farhan tidak menyediakan perkhidmatan mengangkut barang-barang ke rumah pelanggan. Van itu hanya digunakan untuk mengangkut bekalan stok yang dibeli sendiri daripada pengusaha-pengusaha setempat dan sebagai kenderaan peribadi sahaja.

Sejak kebelakangan ini, jualannya semakin merosot tambahan pula terdapat beberapa buah kedai runcit yang baru dibuka di kawasan tersebut. Pelanggan yang datang ke kedainya adalah pelanggan baru dan pelanggan sekali-sekala sahaja.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan yang berikut:

- a) Jelaskan peranan pemborong kepada En. Farhan. [8 markah]
- b) Apakah dua fungsi peruncit yang gagal dilaksanakan oleh En. Farhan? [4 markah]
- c)
  - i) Apakah jenis akaun bank yang dibuka oleh En. Farhan dengan Bank BUMI Bhd. [1 markah]
  - ii) Terangkan bagaimana akaun ini dapat membantu En. Farhan mengatasi masalah kekurangan modal untuk membeli stok. [6 markah]
- d) Nyatakan jenis-jenis risiko? [6 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**